

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN ISTANA BUDAYA

TEMPAT: JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR

TARIKH: 15 SEP 1999

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kerana menjemput saya merasmikan Istana Budaya Kuala Lumpur pada hari ini.

2. Bagi sesuatu bangsa dan negaranya, panggung utama adalah lambang ketinggian seni dan budaya dalam tamadun bangsa itu. Ia juga menyumbang kepada pemupukan seni dan budaya serta perkembangannya supaya arus zaman tidak menghilangkan warisan bangsa. Tanpa seni dan budaya yang hidup subur, bangsa tidak akan mempunyai makna.

3. Ini adalah oleh kerana yang menentukan identiti bangsa bukanlah rupa paras, keturunan etnik atau warna kulit. Yang memberi identiti kepada sesuatu bangsa ialah seni dan budayanya yang menjadi sebahagian daripada tamadun yang didirikan oleh bangsa itu.

4. Jika budaya ditakrifkan sebagai jumlah semua nilai hidup yang dipegang dan diamalkan oleh sesuatu bangsa maka budayalah yang akan menentukan maju mundurnya sesuatu bangsa. Sebab itu manusia daripada keturunan etnik yang sama tidak mencapai kemajuan yang sama. Jika nilai yang dipegang dan diamal adalah tinggi, iaitu ia tidak dikuasai oleh nafsu semata-mata, tetapi nafsu dibendung dan disalurkan kepada kegiatan hidup dan tingkahlaku yang mendatangkan faedah dan kebaikan, maka bangsa itu dan tamadunnya akan maju dan kekal. Sebaliknya jika nilai yang dipegang dan diamalkan dikuasai sepenuhnya oleh nafsu, maka bangsa itu tidak akan maju bahkan ia boleh hilang ditelan zaman.

5. Budaya sesuatu bangsa tidak statis tetapi ia berubah secara tidak disedari atau secara dirancang. Bangsa yang mempunyai tamadun yang tinggi dan dengan itu maju boleh menjadi mundur apabila budaya bertukar dan nilai-nilai hidup lebih dipengaruhi oleh nafsu. Sejarah memperlihatkan banyak tamadun yang cemerlang yang sudah hilang kerana bangsa berkenaan terlalu asyik dengan keseronokan atau hedonisme kehidupan mewah dan membelakangkan nilai-nilai hidup yang mulia.

6. Tetapi tidak semua daripada tamadun yang muncul di

dunia yang hilang daripada muka bumi ini. Sebabnya ialah kerana pegangan yang kuat kepada budaya bangsa yang membawa kepada kemajuan. Demikian juga bangsa yang mundur boleh menjadi maju dengan menyerap nilai-nilai yang mulia, sama ada secara sedar atau tidak sedar ke dalam budayanya.

7. Pertukaran nilai-nilai hidup tidak semestinya menghilangkan identiti bangsa. Dengan mengekalkan warisan seni dan budaya dalam acara-acara tertentu termasuk hiburan, maka identiti bangsa dapat dikekalkan.

8. Orang Melayu dan bangsa-bangsa lain di Malaysia adalah dalam proses peralihan budaya yang ketara. Perubahan-perubahan dalam sistem nilai yang sedang dibuat bertujuan meningkatkan kefahaman tamadun bangsa dalam dunia yang pesat berubah dan bertukar. Budaya bangsa yang lama dan usang tidak mampu mempertahankan tamadun Melayu dan kaum-kaum lain daripada dimusnah oleh bangsa dan tamadun yang lebih agresif.

9. Kita mendengar ramalan bahawa akan ada pertempuran antara tamadun-tamadun di dunia. Sebelum ini berlaku percubaan untuk mengembangkan apa yang cuba ditakrif sebagai nilai-nilai sejagat -- 'universal values'. Jika perkembangan ini berjaya maka dunia akan mempunyai hanya satu tamadun sahaja. Dengan itu tidak akan ada pertempuran antara tamadun.

10. Tetapi sudah tentu tamadun-tamadun yang lain daripada tamadun Barat tidak rela dihapuskan. Percubaan untuk mengekalkan tamadun bukan Barat akan menyebabkan tentangan berlaku di antara tamadun di dunia. Hasilnya belumlah dapat kita ramalkan.

11. Kita di Malaysia juga tidak ingin tamadun kita dengan seni dan budayanya dihapuskan. Tetapi kita perlu akui ada aspek-aspek tertentu yang menghalang kemajuan kita; menjadikan kita lemah. Aspek-aspek ini perlu dikenalpasti dan diganti dengan nilai-nilai budaya yang boleh menyumbang kepada pembangunan bangsa kita dan pengekalan tamadun kita.

12. Seni halus kita perlu dipupuk supaya apa juga pertukaran nilai yang kita lakukan tidak akan menghilangkan identiti kita. Seni kita tidak dikuasai oleh nafsu tetapi oleh emosi yang menggerak perasaan yang suci. Sebaliknya kita lihat kesenian moden Barat lebih tertumpu kepada menyalakan nafsu. Tubuh badan dan bahagian-bahagian tertentu didedah dengan sewenang-wenangnya. Demikianlah usaha untuk memuaskan nafsu sehingga hubungan seks di pentaskan tanpa segan silu.

13. Perbuatan ini dalam adegan yang dipertunjukkan di atas pentas dan skrin mempengaruhi nilai hidup dalam budaya Barat semasa. Apabila nafsu tidak dibendung,

maka nilai-nilai kehidupan harian menjadi kasar. Perkataan-perkataan yang dianggap lucu dan kotor dijadikan sebahagian daripada tutur-kata harian. Dengan itu tamadun bangsa akan merosot, menjadi rendah dan hina.

14. Kita tidak perlu meniru keruntuhan akhlak dan nilai yang sedang melanda tamadun Barat. Kita perlu mengekalkan nilai-nilai hidup yang secocok dengan budaya kita. Di masa yang sama nilai-nilai yang menyekat kemajuan kita perlu digugurkan atau dipinda supaya bangsa kita akan dapat mencapai matlamat kita untuk menjadi bangsa yang maju menjelang tahun 2020.

15. Istana Budaya yang tersergam indah yang kita rasmikan pada malam ini dengan sendirinya, daripada segi fizikal dan rohani, melambangkan pembangunan seni dan budaya kita sehingga kini. Bentuk dan hiasannya dibuat supaya mencerminkan warisan budaya serta seni kita yang lama bersama-sama dengan perubahan yang telah kita serapkan dengan pengaliran zaman. Ia boleh menjadi inspirasi kepada kita semua dan kepada para artis, penulis dan 'playwright' yang akan mengadakan pertunjukan seni dan budaya kita dalam pelbagai bentuk, sama ada di Istana Budaya ini atau di mana-mana sahaja.

16. Negara berbilang kaum ini mewarisi tiga tamadun yang besar dan tua. Sudah tentu masing-masing telah mempengaruhi seni dan budaya masing-masing. Ia berlaku secara spontan tanpa disedari atau dirancang. Tidak ada pertempuran tamadun di Malaysia. Sebaliknya penerapan nilai-nilai hidup, seni dan budaya menjadikan masyarakat Malaysia unik. Dalam kehidupan seharian percampuran budaya ini dilihat sebagai perkara biasa.

17. Pementasan memberi peluang kepada para artis, penulis dan 'playwright' menterjemahkan apa yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat berbilang kaum Malaysia melalui cerita dan aksi yang bukan sahaja akan menghibur tetapi juga mencuit perasaan dan pemikiran. Artis dan penulis yang sensitif dan bijak akan dapat menyampaikan mesej yang membina bagi masyarakat. Sudah tentu mereka akan dapat menyumbang kepada pembentukan nilai-nilai yang membina yang akan memajukan bangsa.

18. Pengaruh pementasan tidak boleh dianggap ringan. Budaya Barat, terutama British dahulu, banyak terpengaruh dengan pementasan tulisan Shakespeare dan 'playwright' lain dari Perancis dan Rusia. Daripada pementasan ini nilai hidup yang hina dan rendah dapat dibandingkan dengan nilai hidup yang mulia dan tinggi. Penonton dapat melihat bagaimana yang tinggi dan mulia mengalahkan yang rendah dan hina. Dan ini sudah tentu mempengaruhi gaya hidup penonton.

19. Tetapi pengaruh penulis lebih luas daripada itu.

Tulisan dibaca, dianalisa, dibincang dan diselidik oleh pendidik dan penuntut sehingga pengaruh terhadap nilai hidup dan budaya menjadi menyeluruh.

20. Adalah diharap penulis dan 'playwright' Malaysia juga dapat berbuat demikian. Masyarakat berbilang kaum kita perlu kepada panduan berkenaan dengan nilai-nilai yang perlu dipegang dan diamalkan. Ia lebih kompleks daripada masyarakat di England dan Eropah semasa Shakespeare. Negara kita masih baru dan kesetiaan kepada negara bukanlah perkara semulajadi. Yang berasal dari sini berasa cemburu akan tanahairnya dan tidak begitu rela ia dimiliki bersama oleh kaum daripada keturunan pendatang. Sebaliknya kaum daripada keturunan pendatang masih merasai kesan budaya warisan daripada negara asal mereka. Namun kita semua berada, bermastautin di negara tercinta ini. Apakah dapat kita pupuk perasaan kasih yang tidak berbelah bagi kepada negara ini sehingga dapat kita bendung, jika tidak pun kita lupakan asal usul kita? Dapatkah penulis dan 'playwright' kita memandu rakyat berbilang kaum Malaysia supaya ketaatan dan kesetiaan mereka tidak berbelah bagi, tidak dipengaruhi terlalu sangat dengan perasaan cemburu terhadap hak masing-masing?

21. Apakah dapat kita bentuk budaya yang semakin sama serupa supaya perbezaan keturunan kita tidak terlalu merenggangkan kita, tidak terlalu mempengaruhi sikap dan gerak-geri kita terhadap keturunan lain? Ini menjadi satu cabaran besar bagi penulis dan 'playwright' kita.

22. 'Trend' di Barat sekarang adalah ke arah realiti, kebenaran atau apa yang dianggap sebagai realiti. Segala nilai-nilai yang mulia, segala bendungan terhadap nafsu dianggap tidak mencerminkan sifat yang sebenar yang ada pada mereka. Di sebalik sifat-sifat yang baik yang dipamerkan kepada masyarakat terdapat perasaan, niat dan perlakuan yang buruk dan hina. Kepentingan diri sebenarnya lebih utama daripada keprihatinan terhadap orang lain dan masyarakat.

23. Orang yang baik sebenarnya tidak baik. Dalam hatinya terdapat segala perasaan yang jahat, yang dipengaruhi oleh nafsunya. Apa perlunya perasaan yang sebenar ini disembunyikan? Apa perlunya nafsu dibendung? Jika seseorang itu ikhlas kepada masyarakat dan kepada dirinya, maka ianya harus mempamerkan dirinya yang sebenar. Segala nilai yang mulia dan tinggi yang dipegang olehnya dan oleh masyarakat tidak sebenarnya menjadi nilai hidup sesiapa.

24. Penulis dan 'playwright' Barat sebagai pemerhati perlu mendedahkan kebenaran tanpa takut, tanpa segan-silu. Maka bermulalah proses 'debunking' segala yang

baik dan mulia dalam masyarakat. Melalui karikatur dan satira dalam penulisan dan pementasan hipokripsi masyarakat didedah, ditelanjangan.

25. Tamadun yang matang dan tua mampu menangani pendedahan ini tanpa kecederaan yang besar. Asas-asas tamadun dapat diteruskan walaupun hakisan tetap akan berlaku. Tetapi tamadun yang tua dan matang pun, jika diserang berterusan dengan kritis yang tidak membina melalui tulisan dan pementasan serta pelbagai cara lain akhirnya akan lumpuh juga. Pembendungan nafsu akan dikurangkan dan akhirnya dihentikan sama sekali. Segala-gala yang dianggap buruk diamalkan. Nilai bertukar sehingga menjadi terbalik dengan yang baik menjadi buruk dan yang buruk menjadi baik.

26. Demikian kita lihat sekarang tamadun Barat sudah gugur segala sekatan terhadap ekspresi atau curahan perasaan dan nafsu. Institusi perkahwinan dan keluarga diganti dengan 'free sex' dan tafsiran keluarga yang tidak ada kaitan dengan perkahwinan yang sah. Bersekedudukan menjadi amalan biasa. Apa perlunya lelaki berkahwin dengan perempuan? Jika lelaki ingin berkahwin dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan apa salahnya? Jika nafsu mendorong ke arah itu, apa perlunya nafsu dibendung?

27. Manusia perlu bebas daripada segala budaya ciptaan manusia. Manusia tidak harus mengikut konvensyen. Sebaliknya individu perlu buat apa yang dikehendaki atau disukai olehnya -- 'doing your own thing'. Pakaian, tingkahlaku, moral, bahasa -- semuanya boleh ditentukan sendiri. Jika berasa untuk memuaskan nafsu, lakukan sahajalah. Jika berasa untuk menggunakan perkataan kotor, mencarut dan sebagainya, kenapa harus akur kepada budaya masyarakat? -- gunakanlah sesuka hati. Itu adalah keikhlasan yang mencerminkan perasaan yang sebenar.

28. Akhirnya akan hancur dan luputlah tamadun yang matang dan tua. Sudah banyak daripada tamadun lama yang sudah tidak ada lagi.

29. Jika tamadun yang matang dan tua pun boleh hancur apatah lagi yang muda dan masih rapuh. Jika awal-awal lagi sudah muncul sikap sinis dalam tamadun yang baru, ia tidak akan lama berterusan.

30. Sementara kita di Malaysia patut mengikut 'trend', tetapi kita juga perlu berhati-hati. Penulis dan 'playwright' yang boleh memainkan peranan dalam pembentukan budaya bangsa, yang boleh mengembang kepada tamadun kita perlu merenung terhadap agenda yang hendak dilaksanakan. Apakah kita sudah cukup matang dan tua dan sudah bosan dengan hipokripsi dalam masyarakat kita,

sehingga kita perlu menggantikan hipokrasi budaya baik dengan budaya yang sebenar, budaya yang mencerminkan hati kecil kita, keinginan kita yang sekian lama terpaksa kita bendung? Apakah sudah sampai masanya untuk kita runtuhkan budaya kita tanpa mengira apa yang akan menyusulinya? Betulkah kita semua hipokrit apabila kita menyatakan kesetiaan kita kepada negara sendiri, kepada bangsa kita? Betulkah segala ketertiban dan pembendungan nafsu yang kita amalkan sekarang menjadikan kita bangsa yang kolot dan ketinggalan zaman?

31. Istana Budaya ini dibangunkan oleh Kerajaan tetapi ia bukan milik Kerajaan. Ia adalah milik mereka yang akan menggunakannya untuk mementaskan tafsiran dan terjemahan budaya bangsa, budaya yang menjadi sebahagian daripada tamadun kita yang muda dan rapuh. Kita masih dalam proses membentuk tamadun kita dan penulis serta 'playwright' akan menyumbang melalui pementasan akan bentuk dan corak budaya kita serta perubahan yang perlu dibuat. Saya berharap sumbangan Kerajaan kepada usaha membangunkan seni budaya dan seterusnya peradaban dan tamadun kita akan menghasilkan sesuatu yang menjayakan bangsa dan negara kita.

32. Dengan harapan dan dengan doa bahawa sesuatu yang baik bagi bangsa dan negara kita akan diperolehi, saya dengan sukacitanya merasmikan Istana Budaya yang tersergam indah ini.